

KEDUDUKAN PINGAT

IPT	E	P	G
1. UPM	30	10	18 58
2. UPNM	12	12	4 28
3. UITM	10	14	20 44
4. UM	10	9	9 28
5. Politeknik Malaysia	9	15	5 26
6. UPSI	7	14	16 37
7. Sunway University	6	9	7 22
8. UUM	4	3	5 12
9. UIAM	4	2	4 10
10. UCSI University	4	1	1 6
11. Taylor's University	3	5	2 10
12. UMS	3	6	6 12
13. UKM	3	2	3 8
14. UNITAR	3	0	3 6
15. APU	2	2	3 7
16. UTM	2	2	3 7
17. Kolej Komuniti Malaysia	2	0	3 5
18. USM	1	3	3 7
19. UniMAP	1	3	1 5
20. UTHM	1	3	1 5

*Setakat 12 tengah hari semalam

SUKIPT
UPSI, Tanjung Malim • 2022

Oleh Affan Rostam
sukan@hmetro.com.my

Tanjung Malim

Hiasrat atlet lempar cakera Universiti Putra Malaysia (UPM), Queenie Ting Kung Ni untuk menerima ganjaran RM20,000 terbantut apabila dia tidak berjaya memecahkan rekod kebangsaan acara itu dalam temasya Sukan Institusi Pengajian tinggi (SUKIPT) 2022 semalam.

Queenie Ting Kung Ni

Bagaimanapun, atlet kelahiran Sarawak itu tetap berpuas hati dengan pingat emas yang berjaya diraihnya selepas membuat lemparan sejauh 51.32 meter (m) sekali gus memperbaharui rekod temasya SUKIPT.

Acara yang berlangsung di Stadium Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) itu juga menyaksikan atlet dari Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Nur Atiqah Sufiah Md Hanizam meraih perak (42.04m) dan Nani Sahirah Maryata dari UPM meraih gangsa (40.39m).

Queenie berkata, dia tidak dapat mengawal perasaan gemuruh yang dialaminya semalam sehingga ia memberi kesan kepada prestasi sebenarnya.

"Saya ada rasa gemuruh juga semasa pertandingan. Boleh kata ini adalah temasya pertama saya dalam Malaysia yang saya rasa macam itu sebab saya ada sasaran besar.

"Tapi saya gembira juga dengan prestasi saya sebab dalam temasya tempatan saya tak pernah lagikekalkan lemparan dengan jarak 50m ke atas. Pada saya ia sangat bagus," katanya ketika ditemui semalam.

QUEENIE TETAP BERPUAS HATI

Tak berjaya pecah rekod kebangsaan tapi gembira lakar rekod temasya dan emas buat UPM

QUEENIE tidak dapat mengawal perasaan gemuruh yang dialaminya sehingga memberi kesan kepada prestasi sebenar.



Atlet berusia 24 tahun itu jelas akur dengan keputusan itu selain menegaskan dia tetap akan cuba yang terbaik dalam kejohanan akan datang.

"Tekanan itu tak ada, cuma saya sangat teruja untuk cuba pecahkan rekod itu. Saya dah cuba sebaik mungkin, tapi tak ada rezeki. Saya akan cuba sebaik mungkin pada masa akan datang.

"Bagaimanapun, saya tetap bersyukur dan berterima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) kerana memberi peluang sebegini. Bagi kami atlet, ia sangat memberi motivasi," katanya.

Setakat ini, Queenie masih lagi menjadi pemegang rekod kebangsaan acara lempar cakera selepas berjaya membuat lemparan sejauh 52.36m ketika di Sukan SEA Hanoi 2022 pada Mei lalu.